



مَجْلِسُ اِئْمَارِ اِسْلَامِ سِلَانْغُورِ

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR.

TEL: 03-5514 3400 FAX: 03-5512 4042

Laman Web: www.mais.gov.my E-mel: mail@mais.gov.my

Rujukan Tuan : (12) MAIS/KP/BPM/
Rujukan Kami : 03-2/002/11-2 Jld. 5
Tarikh : 11 September 2009
11 Ramadhan 1430

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pengerusi,
Pertubuhan Kebajikan Nur Syaheera,
No. 23, Jalan Jaya Baru 3,
Taman Jaya Baru,
56000 Kuala Lumpur.

Tuan,

KEBENARAN PUNGUTAN KHAIRAT/DERMA UNTUK MEMBINA MASJID/SURAU MENGIKUT SEKSYEN 106, ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

Dengan segala hormatnya, izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, pihak Majlis Agama Islam Selangor tiada apa-apa halangan dan memberi kebenaran kepada pihak tuan menjalankan pungutan derma bagi tujuan **Perbelanjaan Bulanan Pertubuhan Kebajikan Nur Syaheera** yang beralamat di **No. 23, Jalan Jaya Baru 3, Taman Jaya Baru, 56000 Kuala Lumpur**. Kebenaran pungutan ini adalah sah dalam tempoh masa **ENAM (6) BULAN** mulai **10 September 2009** hingga **10 Mac 2010** bergantung kepada syarat-syarat berikut :-

- 2.1 Tidak dibenarkan membuat kutipan derma di tempat-tempat awam, rumah ke rumah, pusat-pusat membeli belah, pasar-pasar malam, restoran-restoran dan sebagainya.
- 2.2 Kutipan hendaklah dipohon terus kepada individu-individu tertentu yang berminat untuk menderma contohnya seperti tokoh-tokoh korporat, pejabat-pejabat kerajaan atau swasta.
- 2.3 Mengeluarkan resit penerimaan mengikut nombor siri ke atas setiap wang yang dipungut.
- 2.4 Membelanjakan wang pungutan hanya mengikut tujuan asal surat kebenaran ini dikeluarkan.
- 2.5 Menunjukkan segala potongan resit/list, akaun dan baucer bagi di periksa dan diaudit oleh Jabatan ini bila dikehendaki.
- 2.6 Hanya penama-penama yang diberi kebenaran sahaja yang dibenarkan menjalankan pungutan derma.
- 2.7 Menyediakan Laporan bertulis kepada pihak Majlis apabila pungutan derma selesai dijalankan.



SIRIM

MS ISO 9001 : 2000
REG. NO. AR 4605

